

UMS peruntuk RM350,000 atasi masalah bekalan air

Oleh Vivi Olviana Najurus

UB 11.03.2023 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperuntukkan sebanyak RM350,000 bagi mengatasi masalah bekalan air dalam kampus.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr Kasim Mansor berkata, peruntukkan itu antara lain bagi pelaksanaan inovasi bekalan sumber air dalaman seperti air graviti, air bawah tanah dan air hujan.

“Pasukan projek ini diketuai oleh timbalan naib canselor penyelidikan dan inovasi, pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP), tenaga pakar dan ahli akademik dari Fakulti Kejuruteraan UMS.

“Usaha menjalankan proses penapisan air bersih ini juga akan dibantu oleh penyelidik UMS yang berkemahiran dan mempunyai kepakaran dalam bidang ini,” katanya pada Majlis Amanat Naib Canselor 2023 di sini.

Katanya, pihak pengurusan tertinggi UMS memandang serius isu air yang kerap dihadapi oleh warga kampus.

“Kesannya bukan sahaja memberi impak kepada pelajar yang tinggal di kolej kediaman, tetapi juga kepada kakitangan yang berada di premis pejabat.

“Terima kasih kepada semua pihak yang akan bersama-sama menjayakan projek ini,” katanya.

Untuk rekod, UMS kampus induk Kota Kinabalu sebelum ini melaporkan



KASIM

penggunaan sistem perpaipan dari punca air bukit dalam kampus bagi membekalkan sehingga 80,000 liter air sehari.

Pada masa yang sama, UMS juga menggunakan perkhidmatan lori tangki untuk membekalkan 300,000 liter air dari loji rawatan air (LRA) Penampang untuk kegunaan kolej kediaman pelajar dan bangunan sekitar kampus.

Antara lain punca adalah disebabkan catuan sementara yang terpaksa dilaksanakan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) akibat ketidakmampuan LRA Telibong menampung keperluan penduduk Daerah Tuaran, Sepanggar dan sekitarnya iaitu 190 Juta Liter Sehari (MLD) berbanding hanya 164 MLD air terawat yang dihasilkan.

JANS bagaimanapun memaklumkan isu gangguan bekalan air terawat itu dijangka selesai pada tahun 2024.